

23/05/2002

Petronas jana pembangunan Kertih

Nazura Ngah

PERUBAHAN ekonomi Terengganu begitu ketara apabila minyak diterokai di perairan negeri itu pada 1978. Sejak itu, pergantungan negeri Terengganu kepada sektor pertanian yang memberi produktiviti rendah dapat dikurangkan.

Emas hitam itu juga menukar wajah daerah Kemaman dengan begitu drastik. Tanah pantai yang gersang dengan tegakan pohon kelapa di sepanjang pantai Kijal ke Kertih mulai dipenuhi dengan bangunan serta kilang industri petroleum.

Kawasan Jakar berhampiran bandar Cukai, Kemaman yang dulunya sekadar kawasan paya kini dipenuhi bangunan ruang perniagaan dan penempatan.

Kemudahan infrastruktur dengan jaringan sistem jalan raya yang selesa serta tersebar ke segenap pelusuk daerah, menggambarkan betapa hidup dan aktifnya ekonomi daerah Kemaman.

Dalam tempoh 20 tahun, Kertih yang dulunya hanya sebuah kampung nelayan dengan hanya 5,000 penduduk kini menjadi sebuah bandar yang mempunyai lebih 31,000 penduduk dengan sebuah kompleks perindustrian petroleum bersepadu berteknologi tinggi.

Pembangunan industri petroleum di Semenanjung Malaysia bermula pada tahun 1970-an dengan pengeluaran pertama minyak dari luar pantai Terengganu pada 1978.

Sejak Kompleks Industri Petroleum Petronas (KIPP) di Kertih mula beroperasi lebih dua setengah dekad lalu, pelbagai projek dilaksanakan oleh Petronas. Ia menukar wajah kawasan pantai dari Kertih ke Gebeng daripada perkampungan pedalaman kepada sebuah koridor pertumbuhan petroleum dan petrokimia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan buku cenderamata sempena lawatannya ke KIPP pada 9 Mei lalu menyatakan bahawa kejayaan Petronas dan rakan usaha samanya membangunkan Kertih seperti hari ini membuktikan bahawa sektor swasta boleh menjadi rakan kongsi strategik kerajaan dalam usaha membangunkan negara dengan menterjemahkan dasar sehingga menjadi tindakan yang berjaya untuk faedah rakyat.

Operasi petroleum di Kertih membantu usaha mewujudkan banyak peluang perniagaan dan pekerjaan, di samping menjana hasil yang besar melalui pendapatan eksport dan penjimatan tukaran asing negara.

Bermula 1978, Petronas mengambil langkah berani menubuhkan syarikat yang mengendalikan kegiatan huluannya sendiri bagi membolehkannya mencari gali dan mengeluarkan minyak serta gas.

Empat tahun kemudian, Petronas menemui minyaknya yang pertama di Medan Dulang di luar pantai Terengganu. Beberapa projek petroleum yang kebanyakannya berasaskan minyak mula dirancang.

Mengikut Ringkasan Draft Rancangan Struktur Kemaman (Pengubahan) 1998-2020, kemudahan infrastruktur akan diperluaskan ke pusat pertumbuhan baru dan kawasan yang kurang maju.

Selain itu kemudahan pelabuhan Kemaman dan Lapangan Terbang Kertih dinaik taraf supaya berdaya maju dan bersaing seiring dengan perkembangan sektor perindustrian, perdagangan dan pelancongan.

Dalam bidang pembangunan perumahan dan kemudahan masyarakat mengikut draf berkenaan menggalakkan pembangunan perumahan dengan penekanan khusus kepada penyediaan rumah kos rendah. Penambahan kemudahan tertentu akan dilaksanakan bagi menampung permintaan penduduk menjelang 2020.

Ringkasan draf itu juga merangka strategi pembangunan ekonomi yang

memberi tumpuan kepada pembangunan sektor perdagangan, perindustrian dan pertanian. Tumpuan akan diberi kepada penyediaan kegiatan perdagangan yang mencukupi, berkesan dan memenuhi keperluan semasa dan masa depan, menyediakan kawasan perindustrian mencukupi dan selamat serta mengekalkan kawasan ladang pertanian terutama di kawasan pedalaman.

Pembangunan raksasa industri petroleum Kertih menghasilkan manfaat kepada masyarakat tempatan. Antaranya, bekalan elektrik dapat disediakan di seluruh Terengganu berbanding cuma 50 peratus dalam tahun 1980-an.

Selain itu pelbagai kemudahan disediakan oleh Petronas untuk menyokong pembangunan berterusan industri petroleum dan sokongan juga menawarkan perkhidmatan berfaedah kepada penduduk.

Sebagai contoh, Lapangan Terbang Kertih yang memulakan operasi pada 1985 menjadi sokongan kepada keperluan operasi petroleum luar pantai, kini digunakan oleh penduduk Kertih bagi keperluan pengangkutan udara mereka.

Melalui pelaburannya dalam institusi pendidikan, latihan dan pembelajaran, Petronas juga menyediakan peluang pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Sehingga kini Institut Teknologi Petroleum Petronas atau Instep di Batu Rakit, Kuala Terengganu sudah melatih 5,000 belia dalam bidang teknologi petroleum.

Sehubungan itu, KIPP yang dibangunkan sebagai sebuah kompleks bersepadu sepenuhnya untuk meningkatkan persaingan kini menjadi pusat petrokimia utama di rantau ini dengan menawarkan banyak peluang bagi memajukan pengeluaran hiliran petrokimia.

(END)